

Ulasan Buku/*Book Review*

Konsep Kerasulan dan Peranannya dalam Pembentukan Masyarakat oleh Ibrahim Abu Bakar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, 250 hlm. Diulas oleh Dr. Idris Zakaria.

Buku ini berasal dari tesis sarjana yang disiapkan pada pertengahan tahun 1979 di bawah seliaan Dr. Sanusi Daeng Marikok. Buku ini disusun dalam tiga bahagian; bahagian pertama penulis menumpukan kepada perbincangan umum mengenai manusia dan agama, di mana beliau menengahkan peranan agama menurut kupasan ahli-ahli psikologi, sosiologi, antropologi dan falsafah.

Buku ini membincangkan 'agama' dalam pengertian yang umum dan para pembaca tidak boleh mengait isi-isi perbincangannya secara langsung kepada Islam, kerana pandangan sarjana-sarjana bidang di atas mengandungi teori-teori yang mungkin tidak tepat dengan agama Islam.

Umpamanya pada ahli-ahli sosiologi yang banyak mengasaskan teori mereka berdasarkan empirik, menyatakan agama sebenarnya tumbuh dari masyarakat sendiri dan bukan dari unsur luar manusia (hlm. 13). Hal ini tidak sesuai dengan hakikat wahyu. Tetapi, dalam soal peranan agama, penulis berjaya memberi informasi bahawa para sarjana pelbagai bidang tidak menafikan kepentingannya. Agama memberi jawapan terhadap alam dan kehidupan manusia. Sekurang-kurangnya ada lima fungsi agama berdasarkan pemerhatian ahli-ahli sosiologi; 1) Kelahiran, 2) Sosiolisasi, 3) Pengeluaran barangan dan perkhidmatan pada taraf yang mencukupi, 4) Penahan aturan dan susunan, 5) Pengekalan kesedaran atau matlamat.

Selain itu agama juga berfungsi mengembangkan perpaduan, mengatur peraturan moral, mengikat individu kepada peraturan dan susunan sosial, memberikan sumber identiti dan lain-lain. Namun sifat khusus agama yang dipersetujui sarjana ialah adanya dominasi *supernatural power* ke atas alam dan manusia. Perbahasan ini ada di dalam Bab 1.

Bab 2 dalam Bahagian Pertama ini difokuskan kepada manusia dan rasul. Penulis membuktikan bahawa walaupun manusia boleh berfikir, mengingat, berimajinasi, berkemahuan dan lain-lain, tetapi dalam perkara-perkara yang tidak bersifat material, manusia tidak mampu untuk memahaminya. "Akal itu tidak dapat untuk memahaminya sekiranya Rasul tidak memberikan pengetahuan dan fahaman mengenai perkara itu" (hlm. 23). Maksud penulis ialah akal-fikiran ada kebolehan-nya tetapi ia juga ada kelemahannya.

Penulis dalam konteks ini memetik pendapat Nur al-Dīn al-Sabūnī dalam kitabnya *al-Bidayah min al-kifayah fī usul al-Dīn*. Menurut al-Sabūnī:

Rasul membawa perkara yang tidak termampu oleh akal untuk mengetahuinya dan untuk memahaminya. Sebagai suatu kemudahan dalam perkara itu kepada manusia kerana untuk mengetahuinya memerlukan pemikiran, perenungan dan penyelidikan yang sempurna. Kalau ditumpukan sepenuhnya dalam hal demikian nescaya luput kebanyakan masalah manusia itu, maka tanbih dari Allah mengenai perkara demikian melalui Rasul-rasul adalah suatu rahmat.

Bagi memberatkan lagi idea keperluan terhadap rasul dan kelemahan akal-manusia, penulis kemudiannya merujuk kepada ahli-ahli falsafah Islam seperti al-Kindī (w. 260H/873M), al-Farabī (w. 339H/950M), Ibu Sīnā (w. 428/1037M) dan Ibu Rusyd (w. 595H/1198M). Pandangan-pandangan mereka ditambah lagi dengan pandangan-pandangan Mutakallimīn seperti Jabariyyah, al-Asy'ariyyah, al-Maturidiyyah dan al-Mu'tazilah (h.33-46). Dalam al-Quran hal pengutusan para rasul ini didapati sangatlah jelas. Banyak ayat-ayat al-Qur'an yang menyentuh tajuk ini seperti Surah al-Nahl (16:63), al-Nisa (4:165), al-Mu'min (40:78). Gabungan antara pemikiran tokoh-tokoh, kumpulan-kumpulan dalam Islam serta pernyataan al-Quran, menampakkan manusia memang perlu kepada bantuan rasul.

Bahagian kedua yang bertajuk Konsep Kerasulan Islam menampilkan perbincangan kepada persoalan yang lebih khusus. Keseluruhan perbincangan dipecahkan kepada empat bab iaitu Bab I: Kerasulan, Bab 2: Konsep Kerasulan, Bab 3: Keimanan kepada Rasul dan Bab 4: Kerasulan Berakhir. Penulis bertolak dari perbincangan tentang konsep kerasulan secara umum, membabitkan masalah istilah nabi dan rasul. Apa yang menarik di sini ialah kesimpulan yang dibuat oleh penulis bahawa "Perkataan nabi dan rasul atau *al-Nabi* dan *al-Rasul* atau *prophet* dan *apostle*, didapati terlalu banyak pengertian yang diberikan apabila kedua-dua perkataan itu disebut secara umum. Kedua-duanya membawa pengertian yang berlainan apabila dilihat secara perbandingan di antara pengertian *al-Nabi* dengan *prophet* dan *al-Rasul* dengan *apostle*, kerana pengertian untuk perkataan *prophet* dan *apostle* adalah lebih tertumpu kepada hal-hal berhubung dengan agama Keristian, sedangkan perkataan *al-Nabi* lebih tertumpu kepada pengertian yang tidak ada hubungan dengan agama Keristian tetapi sebaliknya berhubung dengan penggunaan perkataan itu di kalangan orang Arab".

"Demikian juga terdapat hal yang sama antara perkataan *al-Rasul* dengan perkataan *apostle*. Oleh itu, perkataan nabi dan rasul perlu dilihat pengertian kedua-duanya dalam istilah 'ulama' al-Kalam atau 'ulama' Aqidah Islam" (hlm. 64-65).

Ulamak al-kalam bila diteliti didapati tidak sepakat tentang pengertian Nabi dan Rasul. Penulis mengkategorikan ulamak ini dalam dua kumpulan. Kumpulan pertama tidak memandang adanya perbezaan antara ciri-ciri kerasulan dan kenabian. Pada kumpulan ini rasul adalah nabi dan nabi adalah rasul. Tokoh yang dipilih untuk kumpulan ini adalah al-Taftazani, al-Dawani, Qadi 'iyad dan Qadi 'Abd al-Jabbar. Kumpulan kedua percaya bahawa rasul lebih khusus dari nabi. Antara alasan mereka ialah rasul disuruh sampaikan wahyu kepada makhluk dan nabi tidak disuruh berbuat demikian. Rasul menerima wahyu dari Jibril, nabi tidak. Rasul menerima syariat dan kitab, nabi tidak (h. 66-70).

Penulis merumuskan empat aspek yang membezakan antara dua kumpulan ini. (1) Aspek Tabligh (hlm. 70), (2) Aspek kitab (hlm. 72), (3) Aspek cara menerima wahyu (hlm. 73), (4) Aspek syariat (hlm. 74). Hal-hal ini sangatlah menarik untuk diteliti oleh pembaca. Penulis sendiri menunjukkan sikapnya apabila berhadapan dengan perbezaan fikiran dua kumpulan ini. "Penulis berat menyokong pandangan gabungan ulamak al-kalam yang tidak membezakan antara rasul dengan nabi" (hlm. 75).

Seterusnya penulis menjelaskan hal-hal yang khusus tentang kerasulan seperti ciri-ciri, bukti dan sifat-sifat rasul. Dituruti oleh tajuk keimanan kepada rasul. Isu besar yang menarik dalam Bahagian Kedua ini ialah perbincangan tentang Nabi Muhammad s.a.w. dari sudut penamatan risalah kenabian dan kerasulan. Berakhir misi kenabian dan kerasulan pada diri Muhammad s.a.w. menurut penulis boleh didapati dari al-Quran, Hadith dan pendapat ulamak Islam. Ada pertalian misi antara Muhammad (s.a.w.) dan Isa a.s., tetapi dalam al-Quran surat al-Saf 61:6 menjelaskan bukan sahaja pertalian tetapi hairaki kerasulan dan kenabian tersebut;

Dan (ingatlah) ketika 'Isa putera Maryam berkata, "Wahai Bani Isreal, sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepada mu, membenarkan kita (yang telah turun) sebelum ku, iaitu Taurat dan memberi khabar gembira dengan (datangnya) seorang Rasul yang akan datang sesudahku, yang bernama Ahmad (Muhammad).

Banyak ayat al-Quran yang dikutip oleh penulis untuk menyokong bahawa Nabi Muhammad s.a.w. adalah rasul penamat dan misinya bersifat sejagat. Ini dapat dilihat di halaman 134-138. Penjelasan dari hadis di halaman 139-143 dan seterusnya pandangan ulamak-ulamak Islam. Perbincangan bertumpu kepada pandangan-pandangan positif dan negatif ulamak tentang Isa anak Maryam dan al-Mahdi dan isu penurunan 'Isa (a.s.) dan kemunculan Mahdi. Ini dihubungkan dengan misi kerasulan Muhammad (s.a.w.). Apakah ini bermakna kerasulan

Muhammad (s.a.w.) belum berakhir? Para pembaca dapat membaca jawabannya dari halaman 147-158. Menurut penulis persoalan al-Mahdi tidak popular di kalangan ahli-ahli tafsir, ahli-ahli Hadis dan ahli-ahli aqidah berbanding dengan isu penurunan ʿIsa (a.s.). Apa pun tafsiran, penulis terus mengukuhkan sikapnya bahawa kenabian berakhir dengan ketibaan Muhammad (s.a.w.). Untuk pembaca katanya “Terpulanglah pada pembaca sama ada mahu menerima atau menolak pandangan tentang penurunan Nabi Isa” (hlm. 158).

Setelah selesai perbincangan pada tahap teoritikal (Bahagian Pertama dan Kedua), pengkaji membawa pembaca untuk melihat fungsi praktikal seorang Rasul dalam masyarakat. Bahagian inilah yang mendukung kehendak tajuk buku ini. Fokus yang diberikan ialah pembentukan masyarakat Islam tetapi bukan dari nilai sosiologi, sebab kata penulis “ahli-ahli sosiologi jarang sekali membicarakan peranan Rasul dalam karya-karya mereka” (hlm. 161). Beliau menghadkan penelitiannya terhadap pandangan-pandangan Islam sahaja dalam perbincangan tajuk ini. Rasul, dalam analisa ahli ilmu kalam menyebut bahawa ia adalah pembawa agama Allah atau risalah untuk disampaikan pada manusia” (hlm. 161).

Bertolak dari pengertian apakah dia masyarakat dari pelbagai sarjana penulis langsung menghubungkannya dengan pengertian Islam untuk nantinya menarik perhatian pembaca kepada dasar-dasar pokok masyarakat Islam. Menurut penulis ada empat dasar yang utama; Keadilan, kebebasan, keseimbangan dan kawalan sosial. Keempat-empat dasar ini telah dibahas dengan mengambilkira kenyataan-kenyataan al-Quran, hadith dan pandangan ulamak-ulamak Islam (hlm. 176-204). Berurutan dengan perbincangan-perbincangan berkenaan, penulis kemudiannya mengebutkan tentang matlamat masyarakat Islam. Katanya ada dua matlamat yang mendasari masyarakat Islam iaitu *hasanah* di dunia dan *hasanah* di akhirat. Kenyataan ini dibantu oleh kenyataan-kenyataan al-Quran dan juga Hadis, bagi membuktikan bahawa demikianlah falsafah hidup yang diajar oleh Islam.

Apabila dikaji penulis mengakui bahawa gabungan konteks agama dan masyarakat, didapati “peranan para Rasul begitu besar dan banyak untuk dianalisa satu persatu” (hlm. 210). Oleh itu, beliau hanya mengambil tiga peranan sahaja yang diyakini menjadi faktor asas pembentukan masyarakat Islam oleh para Rasul. Peranan yang dimaksudkan itu ialah *tabligh* (menyampaikan), *Tarbiyah* (pendidikan) dan *kepimpinan*. Ketiga-tiga peranan ini sebenarnya tidaklah asing bagi masyarakat Islam.

Di bahagian penutup, penulis merumuskan ciri-ciri kerasulan menurut tafsiran 'ulama'. Menurutnya ada enam perkara:

1. Allah telah melantik Rasul melalui pemberian wahyu yang mengandungi perlantikan sebagai Rasul dan wahyu yang mengandungi risalah Allah atau agama Allah untuk ditablighkan kepada makhluk manusia.
2. Rasul dilantik oleh Allah dari kalangan manusia lelaki sahaja.
3. Semua Rasul disertakan oleh Allah dengan bukti-bukti yang menunjukkan kebenaran mereka sebagai utusan Allah dan pembawa agama Allah.
4. Kandungan Agama Allah atau risalah Allah yang ditablighkan oleh para Rasul mempunyai persamaan pokok iaitu 'aqidah dan persamaan atau perbezaan cabang iaitu syariah.
5. Semua Rasul adalah maksum.
6. Semua Rasul saling tolong-menolong dan benar-membenar di antara mereka melalui '*muthaq-al-anbiya*'. (hlm. 229)

Akhirnya, penulis membuat kesimpulan berhubung dengan ketiga-tiga Bahagian yang dibicarakan. Beliau menyenaraikan enam rumusan yang ringkasnya seperti berikut: (hlm. 231-232).

1. Manusia amat perlu kepada perkhidmatan Rasul. Agama Budaya tidak ada hubungan dengan kerasulan. Agama Allah disampaikan melalui Rasul.
2. Rasul dan Nabi adalah sama sahaja. Wahyu yang mereka terima adalah untuk mereka dan masyarakat.
3. Rasul adalah manusia. Mereka tidak mungkin bertukar menjadi jin, malaikat atau makhluk-makhluk lain.
4. Rasul dan Nabi memiliki keistimewaan, terutamanya keistimewaan rohaninya yang melebihi manusia biasa. Penulis gagal melihat keistimewaan *aqliyahnya* yang juga tinggi darjatnya berbanding dengan manusia biasa.
5. Para Rasul bertugas membimbing manusia kepada kebahagiaan dunia dan akhirat.
6. Nabi Muhammad s.a.w adalah Rasul atau Nabi terakhir, Baginda telah berjaya membentuk masyarakat Islam yang kemudiannya terus dilanjutkan oleh umat Islam yang lain.

Buku ini sangat baik untuk menjadi bahan rujukan terutamanya di Institusi-institusi Pengajian Tinggi, Maktab-maktab Perguruan dan sebagainya. Pemikiran luas penulis yang menggabungkan tulisan-tulisan ilmiah Barat dengan penulis-penulis Islam sendiri adalah cukup ber-

tenaga untuk membantu pembaca mendapatkan gambaran yang jelas terhadap satu-satu isu yang dibahaskan. Cumanya apa yang mungkin boleh ditambah lagi ialah analisa filosofi terhadap konsep *Nubuwwah* dan relevansinya terhadap gagasan kebahagiaan untuk manusia dunia dan akhirat.

Jabatan Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor D.E.